



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 20 JUN 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	TARIKAN RAJA BUAH SAMPAI KE CHINA, SUARA, SINAR HARIAN -16 SHMMP BERJAYA CATAT KADAR PEMATUHAN TINGGI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -43 PENIAGA PATUH PELAKSANAAN SHMMP, NASIONAL, SINAR HARIAN -2 369 SHOPS FINESD OVER RM40,000 FOR VIOLATION ON PRICE CAP FOR CONTROLLED ITEMS, NATION, CHINA PRESS -A5 SALAHUDDIN: SIASATAN SYARIKAT BEKAL BENIH PADI DI BUAT SEGERA, NEWS, OH SEMPUT -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6. 7.	ADA SIJIL BOLEH EKSPORT, SETEMPAT, HARIAN METRO -20 JOHOR CARI BAKA KAMPUNG SETANDING DURIAN PREMIUM, SETEMPAT, HARIAN METRO -21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8. 9.	69 USAHAWAN DAPAT MANFAAT GERAN IAT-LKIM, NEWS, BERITA HARIAN (JOHOR) -68 PEMUTIHAN DILAKSANA SEPANJANG TAHUN ELAK KETIRISAN, DASAR DAN PENTADBIRAN, BERITA HARIAN -4	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10.	ESSZONE FISHERMEN TOLD TO RESPECT CURFEW, OR FACE THREATS, NEWS, NST -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	KENALI PERIUK KERA, TEMPATAN, HARIAN EKSPRES (KK) -5	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
12. 13.	KERAJAAN DICADANG BUBARKAN SAHAJA PERTUBUHAN PELADANG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -13 PROJEK SENTUHAN RAKYAT TINGKAT PENDAPATAN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2019	SINAR HARIAN	SUARA	16

# Tarikan raja buah sampai ke China



**Dari Menara KL**

DATUK ABDUL JALI ALI  
abd.jali@kurangkant.com.my

**D**urian bermusim lagi, maka di mana-mana pun - termasuk di dalam lif\* - bau raja buah itu menusuk hidung, meresap hingga ke jantung.

Tidak salah menikmatinya tetapi hati-hati sebab durinya yang tajam itu boleh melukakan jari, malah boleh merobekkan dompet, hatta menyakkan nafas.

Alkisah terjadi kepada seorang wanita dan beberapa orang rakannya yang terkedu dan sukar bernafas setelah makan tiga biji durian di sebuah kedai buah di Jalan Macalister, Pulau Pinang.

Seperti yang dilaporkan media, dalam insiden 30 Mei itu, wanita berkenaan telah meminta durian terbesar dan paling sedap, lalu pemilik kedai memberikan dua biji black thorn dan sebiji musang king.

Setelah selesai berjamu durian di kedai berkenaan, wanita tersebut dikenakan bayaran RM937. Itu yang menyebabkan mereka terkedu.

Membayar hampir RM1,000 untuk tiga biji durian, mahal? Tetapi penjual buah itu menjelaskan, pada hari berkenaan harga black thorn RM95 per kilo dan musang king RM60 per kilo.

Moral cerita: tidak kira berapa banyak duit ada dalam saku, sebelum makan tanya dulu berapa harga sekilo. Timbang semuanya dan sahkan jumlah harga.

Apa pun sekarang durian semakin banyak di pasaran dan harganya tidak semahal yang dikenakan sebulan lalu. Seorang peniaga di Pulau Pinang memberitahu, harga buah berduri itu

semakin menurun.

Black thorn ditawarkan paling mahal pun RM200 hingga RM300 sebiji; si raja musang dijual pada harga yang jauh lebih murah sekitar RM40 per kilo.

Di Kuala Lumpur semakin banyak longgokan durian di tepi jalan dan di pasar malam. Ada peniaga yang menjual si musang pada harga hanya RM25 per kilo.

RM25 per kilo - rata-rata sebiji dua kilo atau RM50 - mungkin kedengaran murah kepada mereka yang berduit tetapi bagi kebanyakan orang biasa harga itu terlalu mahal.

Dalam keadaan ekonomi mengcut, duit semakin kecil dan beratus ribu orang tiada pekerjaan, jangankan RM25, jika per biji dijual RM2.50 pun itu di luar kemampuan.

Durian menjadi buah eksklusif untuk golongan elit. Bagi orang biasa lebih baik beli beras atau ikan kembung daripada menimbang buah berduri.

Bagi beribu-ribu yang hilang pekerjaan atau lebih 300,000 graduan yang masih menganggur, kempunanlah mereka kerana tidak mampu membayar RM300 hanya untuk sebiji-si duri hitam.

Maka si raja yang menjadi kemegahan, idaman dan rebutan orang berduit, bagi rakyat jelata hanya mampu lihat dan mampu hidu.

Nasib baik belum ada akta atau undang-undang menghalang orang ramai daripada menghidu bau durian!

Sementara di tempat kita rakyat biasa hanya mampu mencium bau, buah berduri itu dihantar ke luar negara untuk dinikmati orang lain.

Seperti dilaporkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjangka kira-kira 1,000 tan metrik durian sejuk-beku akan memasuki

**Durian menjadi buah eksklusif untuk golongan elit. Bagi orang biasa lebih baik beli beras atau ikan kembung daripada menimbang buah berduri."**

pasaran China setiap bulan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub menjangkakan eksport raja buah itu ke China menyumbang kira-kira RM500 juta setahun, berikutan termeterai perjanjian protokol eksport dengan Beijing pada Ogos tahun lalu.

Tahun lalu, jumlah eksport durian kita ke negara tersebut ialah RM9.44 juta atau 235.62 tan metrik. Menurut peminat durian di negara Tembok Besar itu, buah kita lebih sedap berbanding durian dari negara pengeluar lain.

Pengeluaran durian di Malaysia tahun lalu meningkat 341,000 tan metrik, berbanding 211,000 tan metrik tahun 2017. Harap-harap dengan meningkatnya pengeluaran setiap tahun, durian jenis terbaik mampu dinikmati ramai rakyat biasa kita.

Boleh eksport ke seluruh dunia untuk memperkenalkan jenama Malaysia. Tetapi pastikan Raja Buah dan Raja Musang itu mampu dinikmati isinya, bukan hanya baunya oleh seluruh rakyat jelata.

\*Nota kaki: bagi yang di dalam lif, tiba-tiba terhidu durian, jangan terla-lu yakin. Bau yang semerbak itu mungkin angin dari dalam perut atau kentut!

*\*Datuk Abdul Jali Ali ialah Penasihat Eksekutif Editorial Sinar Harian*

# SHMMP berjaya catat kadar pematuhan tinggi

**PUTRAJAYA 19 Jun** - Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 2019 iaitu Hari Raya Puasa, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan mencapai kejayaan apabila mencatatkan kadar pematuhan yang tinggi. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sebanyak 60,878 premis telah dipantau sepanjang pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2019 yang berakhir hari ini.

Beliau berkata, hanya 362 premis dikesan melakukan kesalahan dengan 13 kes menjual melebihi harga maksimum, 307 kes tidak pamer tanda harga khas dan 42 kes tidak pamer tanda harga.

"Untuk 362 kesalahan yang dicatatkan, jumlah kompaun telah dikeluarkan sebanyak RM46,550 dan jumlah barangan rampasan bernilai RM46,623," katanya dalam sidang akhbar bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Saifuddin Ayub di sini hari ini.



**SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL** bersama **Sabahuddin Ayub** dalam sidang akhbar berhubung Skim Harga Maksimum Musim Perayaan di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Menurut Saifuddin Nasution, bagi SHMMP Pesta Kaamatan pula, daripada 4,775 premis yang dipantau, hanya lima yang dikesan melakukan kesalahan

iaitu tidak mempamerkan tanda harga khas, membabitkan kompaun berjumlah RM700 dan rampasan RM194 manakala Hari Gawai, sebanyak 4,515

premis telah dipantau dan hanya dua melakukan kesalahan membabitkan kompaun sebanyak RM200 dan nilai rampasan RM179.

"Ini memberi isyarat bahawa dalam pelaksanaan skim kawalan harga pada masa akan datang, tambah hari (hari kawalan daripada 15 kepada 30 hari) dan barangan (barangan kawalan daripada 21 kepada 27) boleh dilaksanakan dengan syarat bekalan barangan mencukupi," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, kejayaan itu hasil kerjasama erat semua pihak bagi memastikan rakyat dapat membeli barangan pada harga berpatutan semasa musim perayaan.

"Ta juga hasil kejayaan kawalan ketat di pintu masuk semipadan contohnya MAQIS dalam membanteras penyeludupan barangan.

"Kita bagaimanapun tidak boleh berpuas hati sepenuhnya dan akan cuba yang terbaik pada masa akan datang," katanya.

Headline	Peniaga patuh pelaksanaan SHMMP		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Jun 2019	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	2	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	98 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,098
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,293



## Peniaga patuh pelaksanaan SHMMP

**PUTRAJAYA** - Pematuhan terhadap pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) oleh peniaga untuk tahun ini amat cemerlang.

Menteri Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution berkata, kadar kepatuhan yang tinggi terhadap harga maksimum yang ditetapkan di bawah SHMMP itu memfokuskan tiga perayaan termasuk Hari Raya Aidilfitri, Pesta Keamatan dan Hari Gawai 2019.

Menurutnya, banyak premis perniagaan telah menjual barangan keperluan pada harga lebih murah daripada harga maksimum yang ditetapkan.

“Berdasarkan data yang dikutip oleh pegawai pemantau harga, harga purata kebanyakan barang keperluan menurun dalam tempoh SHMMP tahun ini berbanding tempoh SHMMP pada 2018.

“Kejayaan mengawal harga barangan keperluan pada musim perayaan tahun ini adalah hasil kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah memainkan peranan cukup penting dengan memastikan bekalan barangan mencukupi pada musim perayaan,” katanya sempena Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa, Pesta Keamatan dan Hari Gawai 2019 di sini semalam.

Headline	369 shops fined over RM40,000 for violation on price cap for controlled items		
MediaTitle	China Press		
Date	20 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A5	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	277 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,464
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,392



(布城19日讯)国内贸易及消费人事务部长拿督赛夫丁纳苏迪安指出,当局在开斋节、沙巴丰收节和砂拉越丰收节期间,共检查7万168所商店,其中有369所商店有违规情况,当局已发出总值4万7430令吉罚款,充公总值4万6997令吉19仙。

他说,369宗个案里,其

## 統制品頂價計劃 369商店違規罰逾4萬

中13宗是以高於頂價出售商品、313宗沒有使用粉色標籤、43宗沒有標價。

他今日在部門與農業及農基工業部長拿督沙拉胡丁阿育召開聯合記者會時

披露,開齋節和東馬丰收節期間,價格統制計劃取得傑出成果,商家不僅配合度高,許多商店更以低於規定的頂價出售統制品。

他指出,2019年開齋節價格統制計劃剛於今日中午12時結束,沙巴丰收節和砂拉越丰收節價格統制計劃也各在5日及7日結束。

他說,該行動取得成功,全靠農業與農基工業部全力配合,即由貿消部制定統制品頂價,再由農業與農基工業部確保產品貨供充足。

另外,沙拉胡丁阿育宣布,由該部、內政部、外交部和國防部聯手展開的“龍”取締行動(Operasi Naga),落實截至今天的52天內,已扣留了48艘入侵我國海域捕魚的越南漁船。



■賽夫丁納蘇迪安(右)和沙拉胡丁阿育召開聯合記者會。

Headline	Salahuddin: Siasatan Syarikat Bekal Benih Padi Di Buat Segera		
MediaTitle	Oh Sempit (www.ohsempit.com)		
Date	20 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	3	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,500

## Salahuddin: Siasatan Syarikat Bekal Benih Padi Di Buat Segera

Posted on 20 Jun 2019 00:01:20AddThis Sharing Buttons

TEMERLOH - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan bahawa siasatan berhubung sembilan syarikat yang membekalkan benih padi dilakukan segera bagi mengatasi masalah benih tidak berk...

To read the rest of the article, click ***View Full Article***

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	20

## PEMROSESAN BUAH DURIAN SEJUK BEKU (WHOLE FRUIT)



PENUAIAN (LADANG)



Buah matang masak di pokok dan gugur secara semula jadi ke atas jaring yang dipasang di bawah pokok.

Periksaan secara visual dibuat untuk mengesan simptom perasak dan penyakit durian.

PUSAT PENGIKUMPULAN



Buah dikutip dan dibawa ke pusat pengumpulan untuk tapisan kualiti.



Buah dibersihkan daripada bendasing dan kekotoran seperti tanah menggunakan benas dan dibawa ke pusat pengumpulan.

PUSAT PEMROSESAN (KAWASAN PENYERAPAN)



Buah-buah terpilih yang diterima dari pusat pengumpulan.



Buah-buah terpilih dicuci menggunakan pam udara bertekanan tinggi (air gun).

Mohamad Husain dan Mohd Sabran Mohd Sarif am@tmetro.com.my

### Kuala Lumpur

Prosedur operasi standard (SOP) pengangkutan durian sejuk beku ke China dikeluarkan sebagai panduan kepada semua pejabat pengeluaran siji fitosanitasi untuk diguna pakai bagi menjalankan peraturan fitosanitasi kepada pengusaha tanaman durian.

Ketua Pengarah Pertanian Datuk Jamal Harizan Yang Razali berkata, produk sejuk beku berdasarkan durian yang dieksport tanpa siji fitosanitasi adalah dilarang masuk ke China.

Beliau berkata, kelulusan laluan pasaran dan protokol pergeksportan bagi durian sejuk beku ke China telah diperolehi dari pihak Pertadbiran Am Penyelidikan Kuantiti, Pemeriksaan dan Kuarantina Republik Rakyat China (AQSIQ) pada 23 November 2007.

"AQSIQ adalah badan yang mengawal selia kualiti, keselamatan, perisijilan, pemeriksaan dan kuarantin bahan makanan, haiwan dan tanaman di pintu masuk serta keluar negara terbabit."

"Pengeksportan durian sejuk beku ke China khususnya dalam bentuk pes mula meningkat mulai tahun 2011.

"Pada mulanya, durian pes yang dieksport hanya diproses di premis yang mendapat akreditasi pihak AQSIQ.

"Bagaimanapun, disebabkan permintaan pasaran yang sangat tinggi maka terdapat pihak yang memproses dan mengeksport durian pes dari fasiliti yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pertanian (DOA) serta tidak diakreditasi pihak AQSIQ," katanya kepada Harian Metro

di sini, semalam.

Jamal Harizan berkata, AQSIQ mendapati sukar membezakan kemasukan produk durian sejuk beku dan durian pes dari Malaysia kerana deklarasi kastam bagi kedua-dua produk di pintu masuk China menggunakan kod tarif (HS) yang sama di bawah durian sejuk beku.

"Produk durian pes dari Malaysia yang disertakan dengan siji fitosanitasi (siji kesihatan tumbuhan) dari DOA dan siji kesihatan dari Kementerian Kesihatan (KKM) dibenarkan masuk

bersandarkan keadaan semasa produk yang turut dieksport pada suhu -18°C

"Mulai 2014, AQSIQ menjalankan pemantauan lebih ketat ke atas produk durian pes dari Malaysia dengan mensyaratkan pengambilan sampel untuk analisis mikrob sebelum produk dibenarkan masuk.

"Peningkatan jumlah eksport dan pendaftaran fasiliti pemrosesan antara sebab SOP ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak terbabit bagi memastikan produk yang

dieksport ke China adalah berkaualiti premium serta mematuhi semua protokol yang telah ditetapkan," katanya.

Menurutnya, prosedur kerja luri merangkumi syarat pengeksportan durian sejuk beku ke negara China, peralatan yang diperlukan, proses kerja aktiviti pemrosesan durian sejuk beku, pendaftaran ladang untuk eksport, pendaftaran fasiliti memproses durian sejuk beku dan pengeluaran siji fitosanitasi.

"DOA mengambil langkah untuk mengawal selia pengeksportan durian sejuk beku ke negara China antaranya semua fasiliti yang memproses durian sejuk beku perlu berdaftar dan lulus audit fasiliti serta memperoleh Sijil Amaian Pengilangan Baik (GMP)

dari KKM.

"Semua ladang yang membekalkan buah durian untuk diproses menjadi durian sejuk beku perlu berdaftar dengan DOA.

"Ladang berkenaan perlu mendapat siji MyGAP dari Pejabat Pertanian Daerah terdekat atau di Bahagian Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian, Putrajaya," katanya.

# ADA SIJIL BOLEH EKSPORT

■ Durian sejuk beku tanpa siji kesihatan tumbuhan dilarang masuk ke pasaran China



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	21

(KAWASAN KAWATAN)

**Buah disejuk beku secara cryogenic menggunakan liquid nitrogen pada suhu -80°C sehingga -110°C selama 1 minit.**

**Durian sejuk beku (whole fruit) selepas dirawat.**

**Buah disimpan dalam stor penyimpanan bersuhu -18°C dan ke bawah.**

**Buah dibungkus dalam kotak polisterine.**

**Maklumat labolebelisasi. Kotak pembungkus dilabel dengan maklumat seperti nama syarikat, alamat, nombor siri batch, grad, berat dan lain-lain.**

**Pengangkutan. Buah yang siap dibungkus dalam kotak diangkat dalam suhu -18°C.**

Sumber: Selayari Kawatan Import & Ekspor Bahagian Biorawatan Tambakan, Jabatan Pertanian Kuala Lumpur



**PELANCONG**  
China menikmati durian Malaysia.



**DURIAN** yang siap dibungkus akan diangkut ke luar negara.

## Johor cari baka kampung setanding durian premium

**Johor Bahru:** Johor sedang memburu baka durian baharu termasuk jenis kampung untuk diketengahkan di pasaran tempatan sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai pengeluar utama durian di Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Tuslin Jarvanti berkata, usaha itu penting memandangkan terdapat 12 jenis durian di negeri ini sudah didaftarkan dalam Senarai Pendaftaran Varieti Tanaman Kebangsaan Jabatan Pertanian.

Katanya, antara jenis paling popular adalah IOI ataupun Durian Hajah Asmah yang berasal dari Muar dengan kod didaftarkan D168.

"Sebab itu kami sedang mencari baka-baka baharu atau durian kampung yang kemungkinan setanding dengan durian-durian premium terdapat di pasaran

ketika ini.

"Jika ada klon baharu itu, kita akan dapat menambah koleksi baka-baka yang ada atau berasal dari negeri Johor sebagai contoh Durian Hajah Asmah," katanya pada sidang media pra pelancaran Ekspo Tani dan Pesta Buah-Buahan Negeri Johor 2019 di Pejabat Jabatan Pertanian di Larikin di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Pertanian Jabatan Pertanian Negeri Johor, Hishamuddin Ahmad.

Ekspo bertemakan 'Segala Durian' anjuran kerajaan negeri melalui jabatan dan agensi di bawah portfolio pertanian negeri akan berlangsung di Padang Awam Majlis Perbandaran Segamat (MPS) Kampung Abdullah, Segamat pada 28 hingga 30 Jun ini.

Beliau berkata, bagi tujuan mencari baka baharu itu, buat jujung kalinya Pertandingan Durian Unggul Negeri Johor akan diadakan

sempena ekspo tiga hari itu.

Katanya, hadiah lumayan ditawarkan dengan Johan pertandingan itu bakal membawa pulang wang tunai RM1,000, tempat kedua RM750, ketiga RM350 dan sugu had RM150.

"Saya yakin akan ada jenis durian baharu di negeri ini yang muncul dan boleh diketengahkan serta disyorkan untuk dikomersialkan.

"Bahkan pertandingan berkenaan hanya dikhususkan durian-durian yang belum berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan ia boleh datang dari baka durian kampung atau sebarang jenis durian di negeri ini," katanya.

Menurutnya, jika ada baka baharu ditemui di belakang rumah termasuk dari pokok durian berusia 50 hingga 100 tahun, namun tidak diketahui bakanya boleh diketengahkan dalam pertandingan itu terutama yang memiliki kualiti

dan mutu baik.

"Bagi mereka yang mempunyai baka baharu ini, ia boleh diletak atas nama pemiliknya seperti Durian Hajah Asmah berasal dari Muar," katanya.

Mengulas lanjut mengenai ekspo berkenaan katanya, dijangkakan lebih 20,000 pengunjung dari daerah Segamat dan daerah serta negeri berhampiran akan mengunjunginya dengan sasaran nilai jualan melebihi RM500,000.

**"Jika ada klon baharu ini, kita akan dapat menambah koleksi baka-baka yang ada atau berasal dari negeri Johor sebagai contoh Durian Hajah Asmah"**

Tuslin

Katanya, terdapat 80 lot jualan disediakan, selain ekspo itu memperlihatkan kepelbagaian teknologi dan inovasi pertanian serta pelbagai produk dan perkhidmatan industri asas tani kepada pengunjung.





Headline	69 usahawan dapat manfaat geran IAT-LKIM		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	20 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,832
Page No	68	Readership	29,496
Language	Malay	ArticleSize	149 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,428
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,284



## 69 usahawan dapat manfaat geran IAT-LKIM

**Kuantan:** Seramai 69 usahawan tempatan menerima manfaat melalui Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani (IAT) di bawah bimbingan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang, sejak dilancarkan pada 2006.

Program itu menyediakan bantuan antara RM10,000 hingga RM200,000 untuk diagihkan kepada usahawan melalui geran tahunan disediakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan dikendalikan LKIM.

Pengarah LKIM Pahang, Rashima Baharuddin, berkata sepanjang tahun lalu, pihaknya sudah mengagihkan geran berjumlah RM200,000 kepada usahawan berasaskan perikanan yang layak bagi membantu mereka meningkatkan pendapatan.

"Pengagihan geran ini merangkumi tiga peringkat pembiayaan iaitu melalui Bantuan Mikro (Usahawan Baharu) dengan nilai maksimum RM10,000; Bantuan Penjenamaan dan Naik Taraf Produk (sehingga RM50,000) dan Geran Produk Berimpak Tinggi (maksimum RM200,000).



Rashima Baharuddin

### **Tembusi pasaran antarabangsa**

"Daripada 69 usahawan ini, dua daripadanya sudah berjaya menembusi pasaran antarabangsa iaitu MHC Cold Storage melalui produk isi ikan sejuk beku dan Ambang Wibawa Sdn Bhd dengan produk udang, patin, tilapia hutan dan ikan susu sejuk beku.

"Kejayaan usahawan bimbingan LKIM ini adalah hasil kerjasama LKIM, Jabatan Perikanan dan Majlis Pembangunan Wilayah Pembangunan Pantai Timur (ECERDC)," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Rashima berkata, produk dua syarikat itu sudah memasuki pasaran di Asia Barat serta Korea Selatan dan LKIM berharap lebih ramai usahawan tempatan mampu menghasilkan produk berkualiti yang boleh memenuhi permintaan pasaran luar negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2019	BERITA HARIAN	DASAR & PENTADBIRAN	4

## ELAUN SARA HIDUP NELAYAN

# Pemutihan dilaksanakan sepanjang tahun elak ketirisan

**Kuantan:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melakukan tindakan pemutihan terhadap penerima elaun sara hidup nelayan sepanjang tahun bagi mengelak berlakunya ketirisan seterusnya merugikan negara.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil, berkata terdapat seramai 40,000 nelayan seluruh negara yang menerima elaun sara hidup sebanyak RM250 sebulan.

Katanya, bayaran elaun sara hidup akan dihentikan jika nelayan didapati tidak lagi mematuhi peraturan serta syarat yang ditetapkan terutama membabitkan jumlah hari mereka turun ke laut, had usia serta beberapa faktor lain.

"Syarat utama membolehkan mereka terus menerima elaun sara hidup ialah perlu turun ke laut sebanyak 120 hari setahun dan mereka perlu menjadikan aktiviti menangkap ikan sebagai pekerjaan sepenuh masa bukan kerja sampingan selain ataupun hobi bagi memenuhi masa lapang.

### Tidak akan berkompromi

"Kerajaan tidak akan berkompromi membabitkan elaun sara hidup kerana ia membabitkan jumlah peruntukan yang besar, justeru tindakan pemutihan kita lakukan sepanjang tahun," katanya pada Majlis Jamuan Hari Raya LKIM Pahang, di sini, kelmarin.

Hadir sama Ketua Pengarah LKIM Jamaludin Othman; Pengarah LKIM Pahang, Rashima Baharuddin dan Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman.

Bellau berkata, apabila tindakan pemutihan itu dilakukan, ia dapat memastikan nelayan yang benar-benar layak sahaja menerima elaun berkenaan.

Muhammad Faiz berkata, elaun berkenaan turut diberikan kepada awak-awak yang menangkap ikan menggunakan bot Zon A sahaja, mereka dikategorikan sebagai individu berpendapatan rendah dan layak menerima bantuan kerajaan.

"Sebarang kekosongan selepas proses pemutihan dilaksanakan kita akan menggantikannya dengan penerima yang baru...selepas mereka memenuhi semua syarat dan peraturan ditetapkan.

"Jumlah penerima elaun sara hidup teramai yang direkodkan adalah di Perak diikuti Sarawak dan Sabah yang mereka turut menerima subsidi bahan api untuk turun ke laut," katanya.



Bayaran elaun sara hidup akan dihentikan jika nelayan didapati tidak lagi mematuhi peraturan serta syarat yang ditetapkan"

**Muhammad Faiz Fadzil,**  
Pengerusi LKIM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2019	NST	NEWS	12



The order for no activities at sea from dusk to dawn is meant for the safety of communities in Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna and Tawau. FILE PIC

**SAFETY MEASURES**

# Esszone fishermen told to respect curfew, or face threats

**KOTA KINABALU:** Fishermen in the Eastern Sabah Security Zone (Esszone) need to abide by the curfew set by the authorities in the seven districts.

Sabah Fishermen Association chairman Datuk Arsit Sedit said the order for no activities to take place at sea from dusk to dawn was meant for the safety of communities in Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna and Tawau.

He said violating the curfew meant that one would be exposed to cross-border crimes, especially kidnap-for-ransom.

"During the curfew, fishermen should not go out to sea. Everyone, especially maritime communities on the east coast of Sabah, knows the threats.

"Esszone fishermen should not take security for granted.

"We understand that they have to go to the sea to make a living, but they should not ignore orders from secu-

rity authorities."

Arsit was responding to the kidnapping of 10 sea gypsies off Tambisan in Lahad Datu.

It was reported that the incident took place about 2am, during curfew hours, when all activities at sea are prohibited unless permission is granted by the authorities.

Arsit said fishermen could go out to sea during the day as the authorities would be patrolling at the time.

He said if fishermen insist on going out at night, they should inform the authorities.

"We cannot blame the security authorities for the kidnapping as the curfew has been implemented since 2013 (following the Lahad Datu intrusion) and we are aware that the authorities can't monitor the vast seas at all times," he added.

**“We cannot blame the security authorities for the kidnapping as the curfew has been implemented since 2013 and we are aware that the authorities can't monitor the vast seas at all times.”**

**DATUK ARSIT SEDIT**  
Sabah Fishermen Association chairman

Arsit also said fishermen should be wary at sea, especially in areas close to the southern Philippines.

Headline	Kenali periuk nera		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	20 Jun 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	5	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	477 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,014
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,041



# Kenali periuk nera

**K**EBELAKANGAN ini nama periuk nera menjadi bualan umum ekoran kebimbangan pencinta alam akan nasib tumbuhan liar itu seandainya dituai berlebihan oleh masyarakat.

Dikenali dengan nama saintifiknya 'Nepenthes', periuk nera adalah tumbuhan yang mempunyai bentuk unik seakan periuk atau mangkuk ini. Dianggarkan terdapat 170 spesies tumbuhan ini di seluruh dunia.

Malaysia menjadi tempat tinggal kepada 46 spesies Nepenthes, 11 daripadanya ada di Semenanjung manakala 35 spesies lagi dapat ditemui di Sabah dan Sarawak.

Spesies Nepenthes Rajah adalah spesies periuk nera terbesar di dunia dan hanya boleh ditemui di Gunung Kinabalu, Sabah. Ia boleh membesar sehingga 41 sentimeter tinggi dan 20 sentimeter lebar serta boleh mengisi sehingga 3.5 liter air di dalam mangkuknya.

Spesies lain yang terkenal di negara ini adalah Ampullaria, Lowii, Albomarginata, Gracilis, Macfarlanei dan Rafflesiana.

## Penyubur hutan

Di sebalik rupanya yang unik, ramai yang tidak tahu periuk nera memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan dan pembesaran hutan.

Untuk memahami lebih lanjut perihal periuk nera, Bernama menemubual pasukan penyelidik dari Program Konservasi dan Penggunaan Sumber Agrobiodiversiti, Pusat Penyelidikan Biodiversiti dan Persekitaran, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Menurut Ketua Pengarah Penyelidikan program itu, Dr. Rosliza Jajuli, kelebihan tumbuhan ini adalah kemampuannya hidup di kawasan kurang subur kerana sumber nutriennya tidak bergantung kepada tanah semata-mata.

"Ia boleh mencernakan daun-daun kering, serangga atau binatang yang terperangkap di dalamnya untuk hidup, bergantung kepada spesies dan saiz. Kerana itulah ia tidak memerlukan sumber nutrien sepenuhnya daripada tanah," kata beliau.

Ketika sesuatu kawasan belum subur sepenuhnya, periuk nera hidup di kawasan itu dan dalam tempoh puluhan tahun membantu menjadikan tanah menjadi lebih subur menjadikan ia sesuai dihuni tumbuhan lain.

Ini adalah antara sebab periuk nera mudah ditemui di kawasan pinggir hutan kerana kawasan itu belum subur sepenuhnya, tambah beliau.

Uniknya tumbuhan ini adalah dalam keadaan tertentu ia menjadi sumber kehidupan kepada haiwan di dalam habitat yang sama. Sebagai contoh, ketam gunung dari spesies 'Geosarima' sangat bergantung kepada spesies Ampullaria yang hidup di kawasan gunung untuk mendapatkan sumber air.

Sementara itu spesies Rafflesiana turut memainkan peranan sebagai tempat tinggal kepada kelawar spesies Kerivoula hardwickii kerana saiznya yang cukup besar untuk memuatkan haiwan itu.

## Diancam

Sementara itu Penyelidik Kanan program sama Dr. Mohd Norfaizal Ghazali berkata tumbuhan ini sedang mengalami



**NEPENTHES** rajah merupakan tumbuhan periuk nera terbesar hanya terdapat di Gunung Kinabalu.

beberapa jenis ancaman yang menyebabkan ia semakin sukar didapati.

Mohd Norfaizal yang sudah berkali-kali mengikuti ekspedisi meninjau keadaan hutan negara mengakui pada hari ini tumbuhan periuk nera semakin sukar dapat dilihat berbanding beberapa tahun dahulu.

"Dalam satu ekspedisi bersama Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan) pada Mac lalu di suatu tempat di Semenanjung Malaysia mendapati spesies Ampullaria dan Gracilis tidak lagi boleh ditemui di suatu kawasan yang dahulunya subur dengan spesies ini sewaktu lawatan saya lima tahun dahulu," jelas beliau.

Membincangkan punca situasi itu, beliau berkata ada dua faktor utama yang boleh memainkan peranan iaitu faktor semula jadi dan faktor manusia.

Faktor semula jadi yang biasanya berlaku adalah kebakaran belukar akibat musim panas. Kerana kebanyakan tumbuhan periuk nera tumbuh melata di kawasan rendah, ia mudah dijilat api jika kebakaran belukar berlaku.

Namun faktor yang lebih dibimbangkan adalah peranan manusia dalam pembukaan kawasan hutan yang tidak terkawal, peneuaian periuk nera bagi tujuan kulineri serta peneuaian anak pokok secara haram bagi memenuhi permintaan peminat tumbuhan eksotik.

Seorang lagi pegawai penyelidik Mardi, Amin Asyraf Tamizi berkata untuk menghalang perkara-perkara di atas daripada berlaku memanglah tidak mudah untuk dilakukan jadi apa yang boleh dibuat adalah terus memberi pendidikan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan tumbuhan ini kepada alam semulajadi.

Untuk nota, spesies Ampullaria biasa dituai untuk tujuan kulineri serta spesies Macfarlanei pula menjadi semakin berkurangan akibat pengambilan secara haram untuk dijual sebagai tumbuhan hiasan. - Bernama

20/6/2019

UTUSAN

DALAM

13

MALAYSIA

NEGERI

# Kerajaan dicadang bubarkan sahaja pertubuhan peladang

**ALOR SETAR 19 Jun** - Kerajaan dicadangkan supaya membubarkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara jika berhasrat untuk terus membiarkan campur tangan orang-orang politik dalam pertubuhan itu.

Pengerusi PPN Kedah, Datuk **Abdull Lateh Mohd. Saman** berkata, pihaknya kesal kerana hingga kini suara akar umbi mewakili ketiga-tiga peringkat itu yang menolak pembabitian orang-

orang politik dalam pertubuhan tersebut tidak didengari.

Kata beliau, malah Pertubuhan Peladang terpaksa mengambil tindakan mahkamah untuk menghalang perbuatan itu dan kini menunggu proses perbicaraan.

"Harus diingat bahawa Pertubuhan Peladang adalah milik ahli-ahlinya yang membuat pelaburan seperti mana perajanaan sebuah kope-



**ABDULLATEH**

rasi, dan bukannya sebuah agensi kerajaan (yang ahli-ahli jemaah pengarah dilantik Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani).

"Maka sebab itu, pemilihan ahli-ahli jemaah pengarah di tiga peringkat iaitu Nafas, PPN dan PPK mesti ditentukan oleh perwakilan. Jika ada lantikan oleh menteri sekali pun, mestilah tidak melebihi 50 peratus. Malangnya, sebagai

contoh pada masa kini, lima ahli jemaah pengarah PPN dilantik menteri berbanding hanya empat oleh perwakilan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam majlis Hari Raya Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), PPN dan PPK Kedah di sini, hari ini.

Sebelum ini, kesemua 42 PPK yang menaungi 100,000 orang petani di negeri ini membantah sekeras-kerasnya pindaan komposisi ahli jemaah pengarah pertubuhan itu yang dianggap satu bentuk campur tangan politik.

Pindaan yang berkuat kuasa 1 Mei lalu itu, dakwa mereka, telah mencabul hak ahli-ahli pertubuhan dan merampas kuasa ahli untuk melantik ahli jemaah pengarah di tiga peringkat untuk mewakili suara golongan berkenaan.

**Abdul Lateh** seterusnya mempersoalkan pengumuman pemberian elaun tetap kepada Pengerusi Nafas berjumlah RM10,000 dan RM5,000 setiap seorang Ahli-ahli Jemaah Pengarahnya dalam mesyuarat agung pertubuhan itu baru-baru ini.

Headline	Projek sentuhan rakyat tingkat pendapatan		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	20 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Projek sentuhan rakyat tingkat pendapatan

KOTA KINABALU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan melaksanakan Projek Premis Burung Walit Sentuhan Rakyat sebagai usaha penjana ekonomi untuk jangka masa panjang. Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Junz Wong berkata, projek itu aka...

To read the rest of the article, click **[View Full Article](#)**